



جائز عالم سكينزكري فولو فينغ

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PULAU PINANG
ARAS BAWAH - ZON B
WISMA PERSEKUTUAN
SEBERANG PERAI UTARA
13200 KEPALA BATAS
PULAU PINANG

Telefon : 04-575 1911
Telefax : 04-575 1455

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: AS(B)BL38/329/000/013

Tarikh:

SK:KB Jilid 2 (9)

Bersamaan

07 Mac 2013



Pengarah Urusan
NI Malaysia Sdn. Bhd.
1-17-02, Suntech @ Penang Cybercity,
Lintang Mayang Pasir 3,
11950 BAYAN BARU
PULAU PINANG

Tuan,

Kelulusan Bertulis Di Bawah Peraturan 36 Dan 38, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 Bagi Cadangan Pemasangan 1 Unit Janakuasa Tunggusedia Oleh NI Malaysia Sdn. Bhd., Di Atas Lot-Lot 451, 1568, 1571 Dan Sebahagian Lot-Lot 440, 449, 450, 453, 455, 1562, 1564, 1565, 1566, 1570, 1572, 1573 dan 1576, Lebuh Batu Maung 1, Mukim 12, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini tiada apa-apa halangan terhadap permohonan di atas tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang terkandung dalam sijil kelulusan bilangan AP/E/3S(P 017/2013). Sijil kelulusan hendaklah dipamerkan dalam pejabat pentadbiran premis tuan. Dengan ini, Kelulusan Bertulis bagi janakuasa rujukan kelulusan AS(B)BL38/329/000/013 SK.KB Jilid 1 (3) bertarikh 18 Januari 2012 adalah dibatalkan.

3. Sila ambil perhatian bahawa syarat-syarat ini hendaklah sentiasa dipatuhi dan kegagalan pihak tuan untuk berbuat demikian akan mendedahkan pihak tuan kepada tindakan undang-undang.

Sekian, terima kasih.

"SATU MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"INTEGRITI TERAS KUALITI"

Saya yang menuruti perintah,

(DATO' HASSAN BIN MAT)
Pengarah Alam Sekitar Pulau Pinang
b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling

\\nas-pp\kb\KB\SPS & PULAU\2013\JANAKUASA\NI MALAYSIA 800KV\Surat.doc

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)

s.k. **Pengurus**
Sekata Teknik (KL) Sdn. Bhd.,
37-1, Jalan Radin Anum 1,
Bandar Baru Seri Petaling,
57000 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN





**JABATAN ALAM SEKITAR
PULAU PINANG**

**SIJIL KELULUSAN
ALAT PEMBAKARAN BAHANAPI (JANAKUASA)
DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING
(UDARA BERSIH) 1978, P.U (A) 280**

NAMA PEMUNYA : NI MALAYSIA SDN BHD

**ALAMAT PEMUNYA : DI ATAS LOT-LOT 451, 1568, 1571 DAN
SEBAHAGIAN LOT-LOT 440, 449, 450, 453,
455, 1562, 1564, 1565, 1566, 1570, 1572, 1573
DAN 1576, LEBUH BATU MAUNG 1, MUKIM
12, BAYAN LEPAS, DERAH BARAT DAYA,
PULAU PINANG**

NOMBOR DAFTAR : AP/E/3S (P 017/2013)

Sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan 36 dan 38, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan tertakluk kepada mana-mana peraturan, undang-undang dan perakuan yang bertulis, Pejabat ini memperakukan kelulusan bagi *memasang/menempatkan semula/mengubah alat pembakaran bahanapi berupa JANAKUASA di tapak tersebut di bawah mengikut syarat-syarat berikut:

- | | | | |
|-------|-------------------------|---|---------------------|
| (i) | Nama Pembuat | : | Cummins |
| | Model Injin | : | KTA38G2B |
| | Keupayaan Injin | : | 800 KVA @ 1500 rpm |
| (ii) | Jenis Bahanapi | : | Diesel. |
| (iii) | Kadar kegunaan bahanapi | : | |
| | Beban penuh | : | 128 kg/jam |
| | Beban setengah | : | 71 kg/jam |
| (iv) | Masa Operasi | : | Tunggu Sedia Sahaja |

(v) Cara mencegah bunyi:

<u>Punca</u>	<u>Attenuation</u>	<u>Lukisan Berkenaan</u>
a) Pelan Tapak dan Lokasi		KEY/LOC/SITE/NI/MALAYSIA/001
b) Rumah Janakuasa	50 dBA	STA363/NI MALAYSIA/002
c) Pintu Masuk	43 dBA	STA363/NI MALAYSIA/002
d) Attenuators		
Rumah Inlet	43 dBA	STA363/NI MALAYSIA/002
Rumah Outlet	43 dBA	STA363/NI MALAYSIA/002
e) Primary reactive "residential" silencer		
* Buatan	: Sonex	
* Model	: SC 250	
* Attenuation	: 38 dBA	
* Lukisan Berkenaan	: Katalog	

(vi) Takat pelepasan ekzos : 3.2 meter dari paras bumi
Lukisan berkenaan : STA363/NI MALAYSIA/002

(vii) Primary Silencer hendaklah dipasang dalam rumah janakuasa;

(viii) Syarat-syarat yang terkandung dalam surat ini ialah arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi mencegah dan mengawal punca-punca yang ada potensi memberi pencemaran alam sekitar;

(ix) Kemudahan-kemudahan yang didirikan hendaklah mengikut lukisan/pelan yang telah diluluskan. Kelulusan ini diberi dengan syarat ianya boleh ditarikbalik atau dibatalkan jikalau didapati kerja yang dijalankan tidak mematuhi kepada lukisan/pelan-pelan yang telah diluluskan dan tindakan undang-undang boleh diambil kerana tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.


(x) Butir-butir lain:

- a) Pintu rumah janakuasa hendaklah sentiasa tertutup pada masa janakuasa beroperasi.
- b) Pemasangan ekzos hendaklah dihalakan jauh dari bangunan yang terdekat sekali.

- c) Paras kepekatan asap hitam dari ekzos tidak boleh melebihi warna No. 1 dalam Carta Ringelmann.
- d) Had pelepasan habuk dari ekzos tidak boleh melebihi 0.4 gm/Nm³ pada setiap masa.
- e) Paras bunyi bising di sempadan premis hendaklah mematuhi had yang dibenarkan seperti berikut:

Waktu	Had Bunyi Bising
7.00 am – 10.00 pm	60 dBA
10.00 pm – 7.00 am	50 dBA

- f) Janakuasa ini digunakan hanya semasa kecemasan sahaja iaitu apabila bekalan terputus dari Tenaga Nasional Bhd.
- g) Penggunaan sebarang transformer yang menggunakan bendalir PCB (Polychlorinated Biphenyls) adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- h) Benteng hendaklah dibina di sekeliling tangki simpanan bahanapi untuk mengawal sebarang tumpahan. Benteng yang dibina bagi tangki simpanan minyak hendaklah berupaya menampung sekurang-kurangnya 110 peratus kandungan tangki tersebut di dalam benteng berkenaan. Hanya tangki yang menyimpan bahan dari jenis yang sama dibenarkan terletak dalam benteng yang sama. Tapak letak tangki hendaklah diperbuat daripada konkrit dan kemudahan untuk mengemam bahan yang tumpah hendaklah disediakan.


(DATO' HASSAN BIN MAT)
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang
b.p : Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

Tarikh: 07 Mac 2013

